# Ensure life's uncertainties don't bring you down



The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit **www.pidm.gov.my**).

FWD Takaful Berhad is a member of PIDM

# Takaful Lifestyle Protector Plus

# "Now you can have financial security against life's uncertainties"

You cannot predict when life's uncertainties such as death or disability may happen. However, with Takaful Lifestyle Protector Plus you and your family will be able to cope better financially.

- Takaful Lifestyle Protector Plus will help you and your family manage financial setbacks caused by Death or Total and Permanent Disability (TPD).
   Besides that, it also help to reduce the financial impact in the event that you are diagnosed with any of the 36 Critical Illnesses (CI)<sup>1</sup>.
- What's more, if your Takaful Certificate is still in force upon maturity, your Account Value<sup>2</sup> (if any) will be payable to you.

<sup>&</sup>lt;sup>1</sup> For the list of the 36 Critical Illnesses covered please refer to the table shown on page 3.

<sup>&</sup>lt;sup>2</sup> Account Value is the amount of your entitlement in respect of the Participants' Fund.

# Why Takaful Lifestyle Protector Plus?

### **Death Benefit**

In the event of death, and if you have made a nomination, your nominee (beneficiary) will receive the Sum Covered plus your Account Value (if any) in one lump sum.

### **Total and Permanent Disability (TPD) Benefit**

Should TPD occur, the Sum Covered plus your Account Value (if any) will be payable to the Participant in one lump sum<sup>3</sup>.

### **Critical Illnesses Benefit**

Upon suffering from or being diagnosed with any of the named Critical Illnesses under this plan, you will be paid the Sum Covered plus your Account Value (if any) in one lump sum.

### Maturity benefit

Your Account Value (if any) shall be paid out upon maturity provided your Takaful Certificate is in force. However, there will be no amount paid from the Participants' Risk Fund.

### **Potential Surplus Distribution**

You are entitled to potential surplus (if any) from the Participants' Risk Fund, which will be allocated to your Account Value annually.

#### **Income Tax Information**

The benefits paid out under this plan are tax-free and the contributions made may be eligible for tax relief under the Income Tax Act 1967. Please check with your tax adviser on your eligibility and this is subject to the final decision by the Inland Revenue Board.

<sup>&</sup>lt;sup>3</sup> TPD Coverage is applicable only where the TPD occurs before the Takaful Certificate's anniversary following the Person Covered's 65th birthday. Terms and Conditions apply.

# List of the 36 Critical Illnesses covered under Takaful Lifestyle Protector Plus

- 1. Heart Attack
- 2. Stroke
- 3. Cancer
- 4. Coronary Artery Disease
- 5. Surgery to Aorta
- 6. Major Organ/Bone Marrow Transplant
- 7. Heart Valve Surgery
- 8. Coma
- 9. Paralysis/Paraplegia
- 10. Multiple Sclerosis
- 11. End Stage Kidney Failure
- 12. Fulminant Viral Hepatitis
- 13. Primary Pulmonary Arterial Hypertension
- 14. Blindness/Total Loss of Sight
- 15. Loss of Hearing/Deafness
- 16. Loss of Speech
- 17. Maior Burns
- 18. Major Head Trauma

- 19. Terminal Illness
- 20. Benign Brain Tumor
- 21. Parkinson's Disease
- 22. HIV due to Blood Transfusion
- 23. End Stage Liver Failure
- 24. End Stage Lung Disease
- 25. Motor Neurone Disease
- 26. Alzheimer's Disease (Irreversible Organic Degenerative Brain Disorders)
- 27. Brain Surgery
- 28. Loss of Independent Existence
- 29. Encephalitis
- 30. Apallic Syndrome
- 31. Poliomyelitis
- 32. Medullary Cystic Disease
- 33. Severe Cardiomyopathy
- 34. Muscular Dystrophy
- 35. Chronic Aplastic Anaemia
- 36. Bacterial Meningitis

Each of the Critical Illnesses above will have its own definition which will be listed in your Takaful Certificate. For a full list of definition of the Critical Illnesses covered, please refer to your Takaful Certificate.

## Want to know more?

Call 1 300 80 2626

Click hsbcamanah.com.my

Visit your nearest HSBC Amanah branch

### Other Information

### Eligibility

You can participate in any of these plans if you are aged between 18 and 60 years old.

### **Contribution Required and Takaful Certificate Tenure**

You can opt to make the contribution on a monthly, quarterly, half-yearly or yearly basis. You can also select a coverage term of 10 to 35 years, according to your financial and protection needs.

In the event that you stop paying the regular contribution and provided the Account Value is sufficient, we will use the Account Value amount to pay for the monthly *Tabarru'* and monthly service fee until the Account Value is exhausted and the Takaful coverage shall cease.

### Participants' Fund

Participants' Fund is the investment fund managed and administered by Takaful Operator for the purpose of this Takaful Certificate. The contribution you made less *Wakalah* Fee will be allocated into the Participants' Fund. The investment risk of this Participants' Fund will be borne solely by you and any profits or losses will be reflected in your Account Value. The investment return of the Participants' Fund will be based on its actual performance and is not guaranteed. As a reward for managing and administering the Participants' Fund, the Takaful Operator is entitled to an incentive which comprises of 30% of any profits in respect of this fund.

### Participants' Risk Fund

A monthly *Tabarru'* will be deducted from your Account Value and credited to the Participants' Risk Fund from which protection benefits are paid. 50% of any surplus distributable will be distributed among eligible Participants and your entitlement will be allocated yearly into your Account Value. The balance will be distributed to the Takaful Operator as a reward for managing and administering the Participants' Risk Fund.

#### Surrender

In the event of surrender, your Account Value will be payable (if any). There will be no amount payable from the Participants' Risk Fund. The coverage under this Takaful Certificate will cease and the amount payable to you may be less than the total contributions you have made.

### **Fees and Charges**

The following fees and charges are applicable to both plans:

Description	Fees and Charges
Wakalah Fee	A portion of the <i>Wakalah</i> Fee will be used to pay the commission to the intermediaries. The <i>Wakalah</i> Fee applicable ranges from 5% to 40% of contribution. The actual fees vary depending on the year and tenure selected.
Monthly <i>Tabarru'</i> (Donation)	RM15 for the first year and RM4 for subsequent years, subject to applicable tax chargeable on the fee. This fee shall be deducted monthly in advance from your Account Value.
Monthly Service Fee	Tabarru' shall be deducted monthly in advance from your Account Value.  Tabarru' rates are not level and are based on the Person Covered's attained age.
Stamp Duty	A one-time stamp duty of RM10 will be borne by you and to be paid with your initial contribution.

Please refer to the Benefit Illustration provided and do consult our Relationship Managers on the specific fees and charges.

The Takaful Operator may revise the fees and charges provided that at least 3 months' notice in writing is given to the Participants.

### **Exclusions**

Only Account Value (if any) will be payable if death is due to suicide whether whilst sane or insane, within 12 months from the date the Takaful Certificate was issued or reinstated.

TPD Benefit will not be payable in respect of any condition/injury/event which is directly or indirectly caused by attempted suicide, self-inflicted injury or illness, military service, criminal acts, private aviation activities, alcohol or substance abuse and hazardous activities such as but not limited to racing, mountaineering, and other similar activities.

Critical Illness Benefit will not be payable due to:

- Pre-existing conditions<sup>4</sup>
- Any condition, injury, event or illness which is directly or indirectly caused due to attempted suicide, military service, criminal acts, private aviation activities, alcohol or substance abuse and hazardous activities such as but not limited to racing, mountaineering and other similar activities.

Please note that the list of exclusions is not exhaustive and reference should be made to the comprehensive list contained in the Takaful Certificate.

<sup>&</sup>lt;sup>4</sup> Any condition, disease, injury, illness or event if there was manifestation, diagnosis or treatment of such condition, disease, illness, or injury before the issue date of the Takaful Certificate or the reinstatement date of the Takaful Certificate.

## Important Notes

You should satisfy yourself that the plan that you intend to participate in will best serve your needs and that the contribution prescribed for this plan is an amount you can afford.

You may review the suitability of this plan and may cancel your participation within 15 days from the date of delivery of Takaful Certificate ("free-look period") to you. On cancellation within the free-look period FWD Takaful Berhad, Registration No. 200601011780 (731530-M) ("Takaful Operator") will refund your total contribution made, less any medical examination fee. HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) ("HSBC Amanah") believe it is important that you fully appreciate and understand all the benefits and charges under your Takaful Certificate.

This plan is managed by FWD Takaful Berhad with it's principal place of business at Level 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia. HSBC Amanah is the intermediary in the distribution of this plan in Malaysia and may be remunerated/paid a commission by FWD Takaful Berhad. Products and services referred to in this brochure are offered in Malaysia only.

### **Use of Information and Materials**

The information in this brochure is not intended to provide professional advice. You should obtain appropriate professional advice when necessary.

This brochure is for general information only and is not to be construed as a Takaful contract and no consideration has been given to the particular circumstances or needs of any person. You should read the Product Disclosure Sheet and Benefit Illustration for more information and the Takaful Certificate for the complete Terms and Conditions of this plan.

In the unlikely event of conflict between the English and Malay versions of the content of this document, the English version shall prevail.

### No warranties

Whilst every care has been taken in preparing the information and materials contained in this brochure, such information and materials are provided "as is" without warranty of any kind, either express or implied, in particular, no warranty regarding non-infringement, security, accuracy, fitness for a purpose is given in connection with such information and materials.

### Limitation of liability

To the fullest extent permitted by law, in no event will HSBC Amanah be liable for any damages, including without limitation to direct or indirect, special, incidental or consequential damages, losses or expenses arising in connection with this brochure or use thereof.



# Pastikan anda tidak terbeban dengan cabaran dalam kehidupan



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari **www.pidm.gov.my**).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.



# Takaful LifeStyle Protector Plus

# "Kini anda boleh memiliki perlindungan kewangan semasa menghadapi cabaran hidup"

Anda tidak boleh menjangka bila peristiwa kehidupan seperti kematian atau hilang upaya akan berlaku. Walau bagaimanapun, dengan Takaful LifeStyle Protector Plus, anda dan keluarga anda boleh menguruskan beban kewangan dengan lebih baik.

- Takaful LifeStyle Protector Plus ialah pelan takaful keluarga dengan sumbangan berkala. Pelan ini akan membantu anda dan keluarga dalam menangani bebanan kewangan apabila berlaku Kematian atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK). Selain itu, pelan ini juga membantu mengurangkan bebanan kewangan apabila anda didiagnosis dengan mana-mana daripada 36 Penyakit Kritikal (CI)<sup>1</sup>.
- Bukan itu sahaja, jika Sijil Takaful anda masih berkuatkuasa apabila matang, Nilai Akaun<sup>2</sup> anda (iika ada) akan dibayar kepada anda.

<sup>&</sup>lt;sup>1</sup> Sila rujuk jadual pada halaman 3 untuk senarai 36 Penyakit Kritikal yang dilindungi.

<sup>&</sup>lt;sup>2</sup> Nilai Akaun anda di dalam Dana Peserta.

## Kenapa memilih Takaful LifeStyle Protector Plus?

### **Manfaat Kematian**

Sekiranya berlaku kematian dan anda telah membuat penamaan, penama (atau penama-penama) anda akan menerima Jumlah Dilindungi dan Nilai Akaun anda (jika ada).

### Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)

Sekiranya berlaku HUPK, Jumlah Dilindungi dan Nilai Akaun anda (jika ada) akan dibayar<sup>3</sup>.

### Manfaat Penyakit Kritikal

Apabila anda menghidap atau didiagnosis dengan mana-mana Penyakit Kritikal yang tersenarai di bawah pelan ini, Jumlah Dilindungi dan Nilai Akaun anda (jika ada) akan dibayar.

### Manfaat Kematangan

Nilai Akaun anda (jika ada) akan dibayar apabila sijil anda matang ketika sijil anda masih berkuatkuasa. Walau bagaimanapun, tiada jumlah yang dibayar daripada Dana Risiko Peserta.

### Potensi Pengagihan Lebihan

Anda layak menerima lebihan yang boleh diagih (jika ada) daripada Dana Risiko Peserta yang akan diperuntukkan setiap tahun ke dalam Nilai Akaun anda.

### Maklumat Cukai Pendapatan

Manfaat yang dibayar di bawah pelan ini adalah bebas cukai dan sumbangan mungkin layak menerima pelepasan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Sila semak dengan penasihat cukai anda tentang kelayakan cukai anda. Kelayakan ini tertakluk pada keputusan muktamad oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

<sup>&</sup>lt;sup>3</sup> Perlindungan HUPK hanya terpakai apabila HUPK berlaku sebelum ulang tahun Sijil Takaful selepas hari lahir ke-65 Orang Dilindungi. Tertakluk terma dan syarat.

# Senarai 36 Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Takaful LifeStyle Protector Plus

- 1. Serangan Jantung
- 2. Strok atau angin ahmar
- 3. Kanser
- 4. Penyakit Arteri Koronari
- 5. Pembedahan Aorta
- 6. Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang
- 7. Pembedahan Injap Jantung
- 8. Koma
- 9. Kelumpuhan Anggota
- 10. Sklerosis Multipel
- 11. Kegagalan Buah Pinggang
- 12. Hepatitis Viral Fulminan
- 13. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
- 14. Buta Kekal dan tidak boleh pulih
- 15. Pekak Kekal dan tidak boleh pulih
- 16. Hilang Keupayaan Bertutur
- 17. Kelecuran Tahap Ketiga
- 18. Trauma Kepala Major (teruk)

- 19. Penyakit Terminal (Membawa Maut)
- 20. Tumor Otak Benign
- 21. Penyakit Parkinson
- 22. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
- 23. Kegagalan Hati Tahap Akhir
- 24. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
- 25. Penyakit Neuron Motor
- 26. Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
- 27. Pembedahan Otak
- 28. Kehilangan Upaya Hidup (Berdikari)
- 29. Ensefalitis
- 30. Sindrom Apalik
- 31. Poliomielitis
- 32. Penyakit Sistik Medular
- 33. Kardiomiopati
- 34. Distrofi Otot
- 35. Anemia Aplastik Kronik
- 36. Meningitis Bakteria

Setiap Penyakit Kritikal (CI) yang disebutkan ini mempunyai definisi perubatan yang disenaraikan dalam Sijil anda. Untuk senarai penuh Penyakit Kritikal (CI) yang dilindungi, sila rujuk Sijil anda.

# Ingin tahu lebih lanjut?

**Hubungi** 1 300 80 2626

Klik hsbcamanah.com.my

Kunjungi cawangan HSBC Amanah berhampiran anda

### Maklumat Lain

### Kelayakan

Anda boleh menyertai pelan ini jika anda berumur antara 18 hingga 60 tahun.

### Sumbangan yang Diperlukan dan Tempoh Sijil Takaful

Anda boleh membayar sumbangan secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan. Anda juga boleh pilih tempoh perlindungan antara 10 hingga 35 tahun mengikut keperluan kewangan dan perlindungan anda.

Sekiranya anda berhenti membayar sumbangan berkala dan Nilai Akaun anda masih mencukupi, kami akan menggunakan amaun Nilai Akaun ini untuk membayar Tabarru' bulanan dan caj wakalah perkhidmatan bulanan sehingga Nilai Akaun anda habis dan perlindungan Takaful akan tamat.

### Dana Peserta

Dana Peserta adalah dana pelaburan yang diurus dan ditadbir oleh Pengendali Takaful untuk Sijil Takaful ini. Sumbangan yang anda berikan, selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam Dana Peserta. Risiko pelaburan Dana Peserta ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan sebarang keuntungan atau kerugian akan ditunjukkan dalam Nilai Akaun anda. Pulangan pelaburan Dana Peserta adalah berdasarkan prestasi sebenar dan tidak dijamin. Sebagai ganjaran untuk mengurus dan mentadbir Dana Peserta, Pengendali Takaful berhak mendapat insentif bersamaan 30% daripada apa-apa keuntungan berkaitan dengan Dana Peserta.

### Dana Risiko Peserta

Tabarru' bulanan ditolak dari Nilai Akaun anda dan dipindahkan ke Dana Risiko Peserta yang mana manfaat perlindungan dibayar. 50% daripada lebihan boleh agih akan diagihkan di kalangan peserta yang layak dan bahagian anda akan diperuntukkan ke dalam Dana Peserta anda pada setiap tahun. Baki akan diagihkan kepada Pengendali Takaful sebagai ganjaran untuk mengurus dan mentadbir Dana Risiko Peserta.

### Penyerahan

Jika anda menyerahkan sijil anda, Nilai Akaun anda akan dibayar (jika ada). Tiada jumlah yang dibayar daripada Dana Risiko Peserta. Perlindungan di bawah Sijil Takaful ini akan tamat dan amaun yang dibayar kepada anda mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang anda telah bayar.

### Yuran dan Caj

Caj berikut terpakai kepada kedua-dua pelan ini:

Penerangan	Yuran dan Caj
Yuran Wakalah	Sebahagian daripada Yuran Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada perantara. Yuran Wakalah yang dikenakan adalah antara 5% hingga 40% daripada sumbangan. Yuran yang sebenar bergantung pada tahun dan tempoh yang dipilih.
Caj Wakalah Perkhidmatan	RM15 sebulan bagi tahun pertama dan RM4 sebulan bagi tahun-tahun berikutnya, tertakluk pada cukai yang dikenakan ke atas yuran. Caj ini akan ditolak setiap bulan terlebih dahulu daripada Nilai Akaun anda.
Tabarru' Bulanan (Derma)	Tabarru' akan ditolak setiap bulan terlebih dahulu daripada Nilai Akaun anda. Kadar Tabarru' adalah tidak tetap dan berdasarkan umur yang dicapai oleh Orang Dilindungi.
Duti Setem	Duti setem berjumlah RM10 akan dikenakan sekali sahaja bersama sumbangan pertama anda.

Sila rujuk Ilustrasi Manfaat yang disediakan dan dapatkan nasihat Pengurus Perhubungan kami tentang yuran dan caj yang tertentu.

Pengendali Takaful boleh menyemak semula yuran dan caj, dan kami akan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan kepada anda.

## Pengecualian

Hanya Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar apabila berlaku kematian disebabkan oleh bunuh diri, tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi, dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh sijil dihidupkan semula, yang mana lebih kemudian.

Manfaat HUPK tidak akan dibayar berkaitan dengan sebarang keadaan/kecederaan/ peristiwa yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh percubaan membunuh diri, kecederaan atau penyakit yang dilakukan sendiri, khidmat ketenteraan, perbuatan jenayah, aktiviti penerbangan persendirian, alkohol atau penyalahgunaan bahan, perlumbaan dan aktiviti berbahaya seperti, tetapi tidak terhad, kepada geluncur angin, mendaki gunung dan aktiviti-aktiviti yang seumpama dengannya.

Manfaat Penyakit Kritikal tidak akan dibayar disebabkan oleh:

- Keadaan yang sedia ada<sup>4</sup>
- Sebarang keadaan, kecederaan atau peristiwa yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh percubaan membunuh diri, kecederaan atau penyakit yang dilakukan sendiri, khidmat ketenteraan, perbuatan jenayah, aktiviti penerbangan persendirian, alkohol atau penyalahgunaan bahan, perlumbaan dan aktiviti berbahaya seperti, tetapi tidak terhad, kepada geluncur angin, mendaki gunung dan aktiviti-aktiviti yang seumpama dengannya.

Sila ambil perhatian bahawa senarai pengecualian ini tidak lengkap dan sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

<sup>&</sup>lt;sup>4</sup> Sebarang keadaan, penyakit, atau kecederaan jika terdapat sebarang manifestasi, diagnosis atau rawatan keadaan, penyakit atau kecederaan tersebut sebelum tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh sijil dihidupkan semula, yang mana lebih kemudian.

# Nota Penting

Anda perlu berpuas hati bahawa pelan yang anda mahu sertai boleh memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dinyatakan untuk pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.

Anda boleh meneliti kesesuaian pelan dan membatalkan penyertaan anda dalam tempoh 15 hari selepas tarikh penghantaran Sijil Takaful ("tempoh percubaan") kepada anda. Jika anda membatalkan sijil anda dalam tempoh percubaan, FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M) ("Pengendali Takaful") akan membayar balik jumlah sumbangan anda (jika ada), tolak sebarang yuran pemeriksaan perubatan. HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) ("HSBC Amanah") percaya adalah penting untuk anda benar-benar menghargai dan memahami semua manfaat dan caj yang terdapat dalam Sijil Takaful anda.

Pelan ini diuruskan oleh FWD Takaful Berhad dengan tempat perniagaan utama di Tingkat 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) adalah perantara dalam pengagihan pelan ini di Malaysia dan mungkin diberi imbuhan atau dibayar komisen oleh FWD Takaful Berhad. Produk dan perkhidmatan yang dirujuk dalam risalah ini ditawarkan di Malaysia sahaja.

### Penggunaan Maklumat dan Bahan

Maklumat yang terkandung dalam brosur ini bukan bertujuan untuk memberi nasihat profesional. Anda perlu mendapatkan nasihat profesional yang sesuai jika perlu.

Brosur ini adalah untuk maklumat am sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak Takaful dan tiada pertimbangan diberikan kepada keadaan atau keperluan tertentu mana-mana individu. Anda perlu membaca Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut dan Sijil Takaful untuk Terma dan Syarat yang lengkap bagi pelan ini.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu bagi kandungan dokumen ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

### Tiada jaminan

Walaupun segala perhatian telah diambil dalam menyediakan maklumat dan bahan yang terkandung dalam brosur ini, maklumat dan bahan tersebut disediakan "sebagaimana adanya" tanpa sebarang waranti, sama ada tersurat mahupun tersirat. Khususnya, tiada waranti tentang bukan pelanggaran, keselamatan, ketepatan, kesesuaian untuk sesuatu tujuan diberikan berkaitan dengan maklumat dan bahan tersebut.

### Had liabiliti

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, HSBC Amanah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, termasuk tanpa had terhadap kerosakan langsung atau tidak langsung, khas, sampingan atau lanjutan, kerugian atau perbelanjaan yang timbul berkaitan dengan brosur ini atau penggunaannya.